

Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi

Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students

Sumaiyah Sulaiman¹, Nik Farhan Mustapha², Pabiyah Toklubok@Hajimaming³, Wan
Muhammad Wan Sulong⁴

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
04 APRIL 2018	13 NOVEMBER 2018	24 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan elemen yang penting dalam penguasaan bahasa Arab, lebih-lebih lagi bagi pelajar pada peringkat pengajian tinggi. Kemahiran menulis adalah merupakan salah satu kemahiran kompleks yang melibatkan proses kognitif dan salah satu indikator kecekapan dalam berbahasa. Artikel ini bertujuan membincangkan isu kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menerapkan pendekatan analisis dokumen. Hasil tinjauan literatur mendapati terdapat beberapa aspek kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi. Kelemahan dalam penulisan bahasa Arab ini didapati berlaku dalam lima aspek, iaitu ortografi dan ejaan, sintaksis dan morfologi, pembinaan ayat, kosa kata dan strategi. Penelitian tentang permasalahan Bahasa Arab dalam penulisan pelajar peringkat pengajian tinggi perlu diberi perhatian agar usaha penambahbaikan berterusan dapat dilakukan. Beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan kualiti pembelajaran kemahiran menulis pelajar turut dikemukakan menerusi kajian ini.

Kata kunci: *Permasalahan, Penulisan, Bahasa Arab, Peringkat Pengajian Tinggi*

ABSTRACT

Writing skills are important element in the mastery of Arabic, especially for students in higher education. Writing skills involve complex cognitive processes and they are indicators of competence in English. This article aims to discuss the issue of Arabic writing skills among students in higher education in Malaysia. This study employs qualitative approach, namely document analysis. Based on the literature review that has been carried out, there are weakness found in the students' Arabic writing at the tertiary level. These weakness in this are due to several factors. Research on the problems of Arabic writing at tertiary level should

¹ Sumayah Sulaiman, Calon Doktor Falsafah (Phd), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, sumaiyah74@yahoo.com

² Nik Farhan Mustapha, Pensyarah Kanan, Ph.D, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, farhan@upm.edu.my

³ Pabiyah Toklubok@Hajimaming' Pensyarah Kanan, Ph.D, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, pabiyah@upm.edu.my

⁴ Wan Muhammad Wan Sulung, Pensyarah Kanan, Ph.D, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, w_mhd@upm.edu.my

be given priority so that continuous improvement can be made. Some suggestions aimed at improving the quality of students' writing skills are presented in this study.

Keywords: *Issues, Writing, Arabic, Higher Education*

Pengenalan

Kursus bahasa Arab ditawarkan di beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti universiti awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia yang bermula seawal dari sekolah rendah. Pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab bertujuan membolehkan pelajar mampu mengaplikasikan penulisan bahasa Arab dengan baik, selain mampu menulis teks berdasarkan bahan bacaan yang telah mereka baca. Berdasarkan tahap pembelajaran peringkat IPT, pelajar juga sepatutnya mampu untuk membuat rumusan dan laporan terhadap sesuatu peristiwa yang telah didengar, dilihat dan dibaca (Al-Naqah, 1985). Namun, kemampuan menulis bahasa Arab dengan baik masih belum dikuasai oleh pelajar, walaupun mereka sudah pun berada pada peringkat pengajian tinggi. Para pensyarah sering berhadapan dengan kesilapan penulisan seperti ejaan yang tidak tepat, penggunaan kata kerja yang salah, penggunaan gender dan hilangnya hubungan antara kata dalam satu ayat (Noor Anida et al., 2014). Kerap kali pensyarah merungut kerana terdapat pelajar yang bergantung pada 'Google Translate' walaupun dalam membina dan menulis ayat yang mudah. Hal ini berlaku disebabkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan UA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik (Ab. Halim, 2009 & Sueraya et al., 2010). Implikasi kelemahan menulis ini juga menyebabkan ketidakupayaan menulis kertas ilmiah tahun akhir (Azlan & Rosni, 2015).

Terdapat beberapa isu yang telah ditimbulkan berhubung dengan pendekatan pengajaran dan ketidakupayaan pelajar yang tidak mampu untuk menulis dengan baik walaupun sudah berada pada peringkat pengajian tinggi. Malah, penguasaan bahasa Arab yang mendukacitakan dalam kalangan mahasiswa tidak dapat dinafikan (Ku Fatahiyah et al., 2014). Habibah (2016) telah mengkaji amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran *insya'* Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Dapatan kajian beliau memperlihatkan kebanyakan pelajar kurang berminat untuk mengarang dengan menanggungkan tugas disebabkan faktor kekurangan perbendaharaan kata, kurang membaca bahan-bahan tambahan di samping tugas mengarang itu sendiri yang bersifat kompleks dan sukar. Menurut kajian yang telah dibuat oleh Ab. Halim dan Mohd. Azidan (2017), faktor kelemahan kurikulum dan strategi pembelajaran yang kurang berkesan juga antara punca kesalahan pelajar Melayu dalam penguasaan penulisan bahasa Arab. Kajian ini juga turut disokong melalui kajian yang dibuat oleh Mohamad Rofian et al. (2016) yang menyatakan bahawa modul kemahiran menulis bahasa Arab bagi peringkat pengajian tingi Malaysia adalah terhad dan kurang menekankan unsur psikologi. Hal ini menunjukkan polemik berkenaan kemahiran menulis masih menjadi perhatian para pengkaji dalam penguasaan kemahiran berbahasa Arab.

Metodologi

Kajian ini pada asasnya menerapkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang

terdiri daripada buku, artikel dan tesis yang berkaitan dengan kemahiran menulis bahasa Arab di Malaysia. Seterusnya, data dianalisis secara deskriptif.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan sorotan kajian lalu, terdapat beberapa kajian berkaitan dengan kemahiran menulis bahasa Arab telah dijalankan di Malaysia sejak dua dekad lalu. Kecenderungan pengkaji untuk menganalisis kesalahan pelajar dalam penulisan juga dapat dilihat dalam beberapa kajian yang telah dijalankan. Kajian literatur mendapati terdapat lima aspek kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab iaitu ortografi dan ejaan, sintaksis dan morfologi, pembinaan ayat, kosa kata dan strategi pembelajaran.

1. Ortografi dan ejaan (*imla'*)

Terdapat beberapa aspek kelemahan penulisan bahasa Arab yang mencakupi aspek ortografi dan ejaan (*imla'*) telah dijalankan. Mohd Nazmi (2009) dan Aziyun (2012) mengkaji penulisan huruf Hamzah dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian Mohd Nazmi mendapati pelajar sangat lemah dalam menulis kedudukan hamzah dalam perkataan dan tidak tahu membezakan antara hamzah *al-qat'i* dengan hamzah *al-wasl*. Kajian beliau menyimpulkan bahawa isu penggunaan hamzah kurang diberi penekanan oleh guru-guru bahasa Arab di sekolah menengah. Kajian berbentuk tinjauan yang melibatkan 105 pelajar dan 40 orang guru sebagai sampel telah dijalankan oleh Aziyun (2012). Dapatan kajian Aziyun menunjukkan tahap pengetahuan asas murid tentang kaedah penulisan hamzah adalah tinggi dan sebahagian besar guru memberikan pendedahan dan penekanan terhadap penulisan hamzah yang betul. Kajian Normah (2014) pula telah menganalisis kesalahan pelajar menulis resume (butiran peribadi) dalam Bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Kesalahan yang tertinggi dilakukan pelajar berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melibatkan kesalahan *imla'*. Dapatan kajian Normah berpadanan dengan kajian Khazri dan Ku Esah (2012) dan kajian (Noor Anida et al., 2014) yang juga mendapati pelajar melakukan kesalahan yang dikategorikan sebagai *imla'* atau ejaan. Walau bagaimanapun, Habibah (2016) melalui kajian beliau menyimpulkan, penulisan hasil karangan lebih banyak menumpukan aspek mekanikal (bentuk) yang bersifat luaran seperti pembetulan *imla'* atau ejaan, manakala aspek kandungan dan retorik dalam penulisan karangan jarang diberi perhatian yang sewajarnya.

2. Sintaksis dan morfologi

Kajian berkaitan dengan aspek sintaksis dan morfologi dalam pembelajaran bahasa Arab turut menarik perhatian para pengkaji dalam kemahiran menulis. Antaranya termasuklah kajian yang melibatkan penggunaan gender (*muzakkar* dan *muannath*) melalui kajian Khazri dan Ku Esah (2012), Normah (2014) dan Mohamad Rofian et al. (2014). Pelajar didapati melakukan kesalahan dari aspek pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak. Selain itu, kajian berkaitan dengan *i'rab* (baris perkataan), dilakukan oleh Khazri dan Ku Esah (2012) dan kata ganti nama diri (*Dhomir*) melalui kajian Mohamad Rofian et al. (2014). Kesalahan Frasa (*Idafah & Sifat*) turut dikaji oleh Mohamad Rofian et al. (2014). Pemilihan *ta'diyah*, pemilihan partikel dan penggunaan kata kerja turut dikaji oleh Noor Anida et al. (2014). Aspek morfologi pula diteliti oleh Khazri dan Ku Esah (2012) dan mendapati pelajar melakukan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pemilihan *ishtiqaq*. Dapatan ini diperkukuh oleh kajian Rosni Samah (2012) yang menyatakan bahawa pelajar selalu

melakukan kesalahan morfologi dalam membezakan antara kata nama dengan kata kerja, perbezaan antara kata terbitan, perbezaan antara penambahan dan perbezaan antara kata tunggal dengan jamak. Begitu juga sebagaimana yang dijelaskan oleh Azlan dan Rosni (2015) bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan ialah kurang kecekapan dalam memahami kaedah nahu dan sorof serta kekurangan latihan esei.

3. Pembinaan ayat

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Rosni (2012) tahap penguasaan pelajar IPT dalam menyusun perkataan adalah baik, sementara menyambung ayat pula sederhana dan penulisan karangan tahap mereka adalah lemah. Abd Aziz et al. (2015) turut menjalankan kajian bagi mengenal pasti masalah pelajar dalam menulis laporan kerja kursus kajian tindakan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG). Dapatan kajian menunjukkan kesukaran menulis bahasa Arab mengganggu idea untuk mengarang antaranya masalah menyusun ayat, istilah dan proses pengeditan mengikut susunan tatabahasa Arab. Saipolbarin et al. (2016) mengkaji permasalahan penulisan teks dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UPSI. Kajian beliau memperoleh penemuan baharu tahap penguasaan pelajar dalam membina ayat dalam bahasa Arab adalah lemah. Walaupun kebanyakan pelajar menghafal dan mengingati semua formula dan rumus dalam bahasa Arab dengan baik, tetapi mereka gagal untuk mengaplikasikannya dalam teks penulisan mereka. Oleh itu pendekatan formula ayat diperkenalkan kepada pelajar bagi membantu pelajar membina ayat dengan cara yang betul dalam Bahasa Arab. Hal ini bersesuaian dengan cadangan Rosni (2012) bahawa pemilihan bahan adalah penting bagi menjayakan tulisan supaya proses penulisan dapat memberikan motivasi kepada mereka. Sebaliknya bahan yang sukar akan menyusahkan pelajar dan menurunkan minat mereka untuk menulis. Kaedah-kaedah penulisan yang berkesan hendaklah diperkenalkan kepada pelajar supaya mereka dapat menggunakannya dalam penulisan (Azlan, 2015).

4. Kosa kata

Penekanan terhadap perkataan atau kosa kata dalam kemahiran menulis perlu diambil kira. Kajian penulisan bahasa Arab bagi melihat hubungan dengan elemen bahasa yang lain seperti kosa kata turut dijalankan melalui kajian Siti Aishah dan Zamri (2015). Kajian ini telah menganalisis hubungan saiz kosa kata bahasa Arab dengan kemahiran menulis bahasa Arab pelajar dalam kalangan pelajar prasiswazah di UKM. Dapatan menunjukkan saiz kosa kata reseptif bahasa Arab pelajar adalah sebanyak 1929 perkataan daripada 3000 kata manakala hubungan antara saiz kosa kata reseptif Bahasa Arab bagi ketiga-tiga tahap kemahiran menulis pelajar adalah kukuh. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Che Radiah et al. (2017) penguasaan kosa kata yang luas menyumbang ke arah pembentukan karangan yang baik dan sempurna. Penguasaan kosa kata merupakan tunggak dalam sesebuah karangan dan aset penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa (Rosni, 2012 & Norhafizah, 2015) lebih-lebih lagi dalam kemahiran mengarang. Kajian Norhafizah (2014) dan Habibah (2016) mendapati kekurangan penguasaan kosa kata bahasa Arab menjadi halangan kepada pelajar dalam pembelajaran *Insya*".

5. Strategi

Penggunaan strategi dan cara pembelajaran turut menarik perhatian pengkaji. Norhafizah (2015) mengkaji penggunaan imitasi model karangan dalam pembelajaran penulisan

karangan bahasa Arab. Kajian beliau menyimpulkan bahawa faktor kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab berpunca daripada keadaan tidak mempunyai kemahiran atau teknik berfikir dalam bahasa Arab. Implikasinya pelajar tidak mampu mengolah perkataan dan gaya bahasa yang gramatis dalam ayat selain tidak mampu menguasai struktur dan ragam ayat bahasa Arab dengan baik. Rosni Samah (2014) turut menyatakan bahawa kekurangan penggunaan strategi belajar merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya kelemahan bahasa. Habibah (2016) berpendapat pelajar perlu didedahkan untuk memahami dengan jelas objektif pembelajaran yang perlu dicapai dan bagaimana mereka dapat mencapai sasaran melalui kawalan sendiri. Penilaian sendiri akan membantu pelajar untuk mengatur dan menyalia pembelajaran mereka dan ia sebahagian daripada strategi pembelajaran.

6. Sikap pelajar

Habibah (2016) mendapati isu pelajar dalam pembelajaran *Insya*” berkait rapat dengan faktor sikap mereka yang negatif. Sikap negatif tersebut diterjemahkan dalam tindakan pelajar yang melengah-lengahkan tugas *Insya*” kerana dianggap sukar dan tidak menyeronokkan. Segelintir pelajar didapati tidak pernah menghantar tugas mengarang kepada guru. Hal ini tidak menghairankan kerana pelajar mempunyai persepsi bahawa menulis ialah kemahiran yang rumit. Sikap ini timbul berpunca daripada beberapa faktor seperti pengajaran, persekitaran dan bahan pembelajaran. Justeru, dalam pengajaran kemahiran menulis, guru disarankan menerapkan motivasi bagi mendorong pelajar agar suka menulis. Guru juga perlu lebih kreatif menggunakan pendekatan yang sesuai dalam kemahiran bahasa kerana setiap kemahiran bahasa tersebut mempunyai pendekatan yang berbeza untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar.

Cadangan bagi Meningkatkan Kemahiran Menulis

Bagi mengatasi isu dan permasalahan dalam penulisan, perlu langkah penambahbaikan diperlukan dari beberapa aspek. Berikut merupakan cadangan bagi meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar:

1. Pendedahan Strategi

Penggunaan strategi dalam pembelajaran kemahiran menulis perlu diberikan perhatian. Hal ini demikian kerana pelajar yang didedahkan dengan pelbagai strategi ternyata mampu menangani masalah meningkatkan kebolehan bahasa (Oxford, 1990). Beberapa cadangan dan kajian telah dilakukan oleh beberapa pengkaji untuk memastikan pelajar dapat menulis karangan bahasa Arab dengan baik melalui teknik-teknik tertentu dan proses pembelajaran seperti pendekatan strategi bagi mengatasi masalah kemahiran menulis bahasa Arab (Mohamad Rofian et al., 2014; Rosni & Azlan, 2015). Abdullah (2013) mencadangkan agar respons secara tidak langsung diterapkan dalam pembelajaran kerana respons merupakan kaedah yang mampu membaiki kelemahan penulisan secara sendiri. Pendedahan strategi bercirikan sendiri seperti regulasi sendiri adalah antara strategi yang wajar didedahkan kepada pelajar. Selain semakan sendiri, semakan bersama guru juga adalah penting. Kajian Muhamad Zaidi (2011) mendapati bahawa menyemak binaan perkataan atau ayat dalam kelas dan menyemak kesalahan murid secara berhadapan sangat membantu murid untuk mengenal pasti kesalahan yang dilakukan secara langsung. Pendekatan ini amat membantu pelajar serta dapat mengelakkan perasan malu bertanya dalam kalangan murid-murid. Hal ini berpadanan

dengan cadangan Che Radiah Mezah (1995) agar pengajaran kemahiran mengarang menekankan elemen berfikir supaya pelajar dapat mengubah dan menyusun perkataan, frasa, ayat dan seterusnya perenggan dalam bentuk karangan. Strategi perbincangan dalam kumpulan contohnya, memberikan kesan positif kepada kebanyakan pelajar kerana strategi ini berkesan untuk merangsang minat dan usaha pelajar dalam proses mengarang (Habibah, 2016). Justeru, pendedahan strategi pembelajaran kemahiran menulis adalah penting bagi membantu pelajar mengatasi halangan pembelajaran.

2. Modul yang Bersesuaian

Proses pembelajaran bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi memerlukan modul pembelajaran berdasarkan kaedah dan gaya penulisan yang sesuai bagi memudahkan pelajar berlatih menulis. Pelajar perlu dilatih menulis dengan baik berpandukan modul yang disediakan serta bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar. Tambahan pula, kurikulum pembelajaran menitik beratkan bahan pengajaran (Aisyah et al., 2017). Modul dan latihan bahasa Arab yang berkualiti mampu meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik khususnya penulisan karangan. Modul kemahiran menulis bahasa Arab pada peringkat pengajian tingi Malaysia masih terhad dan perlu diperbanyak (Rosni Samah, 2012; Mohamad Rofian et al., 2016) selain mengambil kira aspek psikologi pelajar. Modul yang sesuai, mesra pelajar, bercirikan pembelajaran sendiri dan mengambil kira keperluan pelajar akan mampu membangkitkan motivasi dalam menulis bahasa Arab. Modul yang mengambil pendekatan proses dalam pembelajaran mengarang juga perlu diberikan tumpuan (Habibah, 2016) berbanding dengan tumpuan terhadap hasil mengarang. Proses mengarang itu sifatnya rekursif atau berulang-ulang yang bermula dengan tahap perancangan, penyediaan draf karangan, penyemakan dan penulisan semula sehingga akhirnya dapat menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti. Penglibatan pelajar secara aktif penting dalam setiap aktiviti.

3. Kepelbagaian Aktiviti

Bagi mengukuhkan kemahiran menulis pelajar, aktiviti yang bersesuaian perlu dirancang. Beberapa kajian menumpukan peningkatan penulisan pelajar melalui aktiviti boleh dimanfaatkan. Antaranya termasuklah kajian Nurhamimi dan Muhammad Feham (2012), Mohd Firdaus et al. (2014), Norhafizah (2015) dan kajian Abdul Rahman dan Gazilah (2016). Dapatan kajian oleh Nurhamimi dan Muhammad Faham (2012) menunjukkan bahawa program Wiki dapat membantu aktiviti penulisan karangan pada peringkat permulaan. Pengkaji juga mendapati para pelajar dalam kajian ini menggunakan lebih banyak strategi kognitif (pemikiran) semasa proses pemerolehan bahasa. Wan Norazwani (2011) mencadangkan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kemahiran menulis seperti menulis diari harian, catatan log, jurnal peribadi, penulisan secara kumpulan, bahan-bahan bercetak, aktiviti permainan dan juga aktiviti mengkritik hasil penulisan rakan sebaya. Tambah beliau, pelajar masih kurang menguasai kemahiran menulis berbanding dengan kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Mohd Firdaus et al. (2014) menjalankan kajian bagi mengenal pasti tahap kemahiran menulis pelajar melalui aktiviti *Jawlah Lughawiyyah*. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pada tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis. Para pengkaji turut mencadangkan agar aktiviti *Jawlah Lughawiyyah* dipraktikkan dalam proses P&P bahasa Arab khususnya melibatkan pelajar daripada kalangan bukan penutur jati. Manakala kajian tindakan bagi meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat bahasa Arab menggunakan modul *Takwin Jumal* telah dijalankan oleh Abdul Rahman

dan Gazilah (2016). Kajian mendapati modul tersebut berjaya meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat dalam pelbagai pola selepas intervensi diberikan kepada mereka. Hal ini berpadanan dengan pernyataan Habibah (2016) bahawa isu *biah* atau persekitaran perlu diberi perhatian sewajarnya untuk membina iklim pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kondusif yang menyokong pembelajaran kemahiran mengarang bahasa Arab yang berkesan.

4. Motivasi

Motivasi berperanan sebagai kayu ukur utama yang mempengaruhi proses pembelajaran lebih-lebih lagi dalam pembelajaran kemahiran berbahasa bahasa kedua. Dornyei (2001) menyatakan motivasi dianggap ‘nadi’ dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dianggap perkara asas yang menentukan kejayaan atau kegagalan proses pembelajaran. Manakala motivasi dari sudut pembelajaran bahasa adalah keinginan, perubahan yang mencetuskan kehendak yang ingin dilakukan. Motivasi juga merupakan ‘enjin’ yang menggerakkan keinginan belajar bahasa (Sumaiyah, 2011). Motivasi ekstrinsik (luaran) dan instrinsik (dalaman) mampu merangsang jiwa melakukan aktiviti pembelajaran tanpa dipaksa. Namun, pelajar yang kurang menguasai kemahiran asas dalam bahasa yang dipelajari mereka didapati mempunyai masalah dari segi sikap, kesediaan dan motivasi untuk belajar bahasa Arab (Aisyah et al., 2017). Kedua-dua aspek ekstrinsik dan instrinsik sebenarnya dapat mempengaruhi penggunaan strategi dan tahap pencapaian pelajar. Pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang lebih tinggi menunjukkan min penggunaan strategi yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang dilaporkan mempunyai motivasi yang rendah (Sumaiyah, 2011). Dengan kata lain, pelajar yang lebih tinggi motivasinya adalah lebih tinggi penggunaan strateginya. Justeru, adalah penting guru untuk mendorong motivasi pelajar melalui amalan pengajaran berasaskan motivasi yang sesuai. Hal ini bagi menjadikan tugas menulis dalam bahasa Arab sesuatu yang menyeronokkan dan diminati. Apabila pelajar bermotivasi untuk menulis, kekangan dalam menulis dapat dikurangkan. Malah, pelajar akan cuba menulis tanpa disuruh.

Oleh yang demikian, cadangan yang telah diutarakan iaitu pendedahan strategi, modul yang bersesuaian, kepelbagaian aktiviti dan motivasi boleh dijadikan panduan bagi pihak yang berkepentingan dan terlibat secara langsung dalam pendidikan bahasa Arab. Institusi pengajian tinggi seperti universiti awam dan Institut Pendidikan Guru perlu merangka kurikulum yang bersesuaian dengan menerapkan elemen pendedahan strategi, modul yang bersesuaian, kepelbagaian aktiviti dan elemen motivasi bagi memperkasakan kemahiran menulis bahasa Arab. Program dan aktiviti kemahiran menulis yang terancang dan teratur dapat membantu merangsang pelajar untuk menulis dan serta mampu meningkatkan penguasaan kemahiran menulis.

Penutup

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat aspek kelemahan pelajar dalam penulisan karangan bahasa Arab berdasarkan kajian dan penulisan lalu. Permasalahan tercetus berikutan proses menulis karangan itu sendiri kerana penulisan merupakan proses kognitif yang kompleks melibatkan aspek teknikal dan kognitif. Oleh itu, kajian terhadap proses penulisan pelajar seperti penggunaan strategi boleh diteroka dan penyediaan modul pembelajaran kemahiran menulis dengan mengenal pasti keperluan sebenar bahan pembelajaran juga masih terbuka. Selain itu, kajian yang menjurus kepada pendedahan

strategi pembelajaran kemahiran menulis yang mengambil kira aspek psikologi seperti motivasi juga wajar dilakukan bagi membantu pelajar mengatasi aspek-aspek kelemahan dalam penulisan.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1, Pg 1–14.
- Ab. Halim Mohamad & Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2017). Faktor Kesalahan Bahasa yang Mempengaruhi Pelajar Melayu dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*. Volume 1 (3); June 2017: Pg 21-32
- Abd Aziz Mahayudin, Mohamad Fauzi Yahya dan Balqis Kamarudin. (2015). Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL). Bandar Baru Bangi: Aras Mega Sdn. Bhd. Pg 211-217.
- Abdul Rahman Abdullah dan Gazilah Mohd. Isa. (2016). Prosiding IConTALL 2016 Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Sastera Arab kepada Penutur bukan Arab Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. Pg 212-218.
- Abdullah Mohd Adam Khair. (2013). Tanmiatu Maharat Tashih Al Akhta' Al Kitabiyah Lada Tullab Kuliyyat Maarif Al Wahy Al Islamiyy Bistikhdam Al Taghziyyat Ar Rajiah Series of books in ICALL 2013. Kuala Lumpur, IIUM Press, 1 (1).
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsa Lubis, Harun Baharudin & Mohd Sham Kamis. (2017). *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* Volume 1(2) September 2017, Pg 102-112.
- Al-Naqah Muhammad Kamil. (1985). Ta'lim al lughah al arabiyyah linnatiqina biha. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.
- Aziyun Othman. (2012). Penulisan Hamzah dalam Kalangan Murid dan Guru Bahasa Arab: Satu Tinjauan. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azlan Shaiful Baharum & Rosni Samah. (2015). Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi. *Sains Humanika*, 6(1).
- Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohammad dan Mohd Zaki Abd Rahman. (2017). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit UPM Press.
- Mohd Firdaus Yahaya, Mohd Shahrizal Nasir, Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Zulazhan Ab. Halim, & Essmat Nasr Sweedan. (2014). Kemahiran Menulis dalam Bahasa Arab Menerusi Aktiviti Jawlah Lughawiyyah. *Issues in Language Studies*, 3(1), Pg 36–53.

- Habibah Mat Rejab. (2016). Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran *Insyar* Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa Kesalahan Pelajar dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012. (PKEBAR'12) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Pg 130-138.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan Awatif Abd Rahman Hairun Najuwah Jamali. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education E-ISSN: 2289-688*. Vol 1 No 2 2014.
- Mohamad Rofian, Ahmad Redzauddin, Khairatul Akmar & Muhammad Daoh (2016). Kerangka Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab untuk Penutur Bukan Arab di Ipta Malaysia. In Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016) Bangi, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Pg 581–592.
- Mohd Nazmi Desa. (2009). Meningkatkan Kemahiran Menulis Kedudukan Hamzah dalam Perkataan Arab dalam Kalangan Pelajar PISMP Bahasa Arab di IPGM Kampus Tuanku Bainun dengan Menggunakan Modul Asadullah. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara). Gontor: Institut Studi Islam Darussalam. Pg 37-47.
- Muhamad Zaidi Zakaria. (2011). Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan menerusi program j-Qaf. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat, & Nurazan Mohmad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UniSZA. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014 Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA. Pg 1–11.
- Nor Hafizah binti Abd Aziz. (2015). Penggunaan Imitasi Dalam Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti. Universiti Malaya.
- Normah Husin. (2014). Analisa Kesalahan Pelajar dalam Penulisan Bahasa Arab : Menulis Resume. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014. Bandar Seri Putra, Kajang. Pg 17–18.
- Nurazan M. Rouyan. (2004). Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab : Kajian di KUSZA. MA dissertation. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurhamimi bin Zainuddin & Muhammad Faham Muhammad Ghalib. (2012). Astratijiyyat al-Tullab ghoir al-Mutakhossisin fi al-Lughoh al-Arabiyyah fi Ta'allum Maharat al-Kitabah 'Abr Barnamaj Wiki. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), Pg 31–44.
- Oxford, R. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. Newbury House, New York.

- Rosni bin Samah. (2009). *Isu pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Rosni bin Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* . 12(2), Pg 555-569.
- Rosni Samah. (2014). Using SILL's Strategies among Student in Learning Arabic Language in Malaysia. *Wulfenia Journa*, 21(1), Pg 26–34.
- Saipolbarin Ramli, Nazri Atoh, Zarima Mohd. Zakaria dan Ahmad Fikri Husin. (2016). Aplikasi Penggunaan Formula Pola Ayat dalam Penulisan Teks Arab Dalam Kalangan Pelajar Ismp Bahasa Arab UPSI. Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Bahasa Arab Kebangsaan 2016 (PABA). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Aisyah Ishak@Isah dan Zamri Arifin. (2016). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Kemahiran Menulis. Prosiding IConTALL 2016 Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Sastra Arab kepada Penutur bukan Arab. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. Pg 212-218.
- Sueraya Che Haron. (2010). Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM), *Contemporary Issues in Education Research*; Aug 2010; *ProQuest Education Journals*.
- Sumaiyah Sulaiman. (2011). Amalan Pengajaran Berasaskan Motivasi dalam Kalangan Guru Bahasa Arab di Kolej Islam Sultan Alam Shah. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Norazwani Wan Jaafar. (2011). Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar Kelas Aliran Agama di Kota Setar. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.